

DBKL, syarikat utiliti disaran buat pemetaan bawah tanah

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), agensi terlibat serta syarikat utiliti disaran bekerjasama dalam membuat pemetaan utiliti bawah tanah, bagi mengelakkan insiden tidak diingini berlaku terutama ketika pembangunan sesuatu projek.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, pemetaan utiliti itu penting, bagi melihat keadaan di bawah tanah dengan kebanyakannya mempunyai saluran perpaipan dan kabel elektrik, yang ada kalanya tidak

dipetakan pihak utiliti.

“Saya sebagai ahli Parlimen telah terima banyak aduan apabila satu kawasan itu hendak dibangunkan, kerja-kerja korek menunjukkan ada kabel besar TNB contohnya, tapi tiada dalam peta.

“Jadi saya lihat kita perlu berikan kerjasama kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk memastikan kita bukan hanya ada pemetaan di bahagian permukaan, tapi juga pemetaan utiliti,” katanya dipetik *Bernama*.



FAHMI

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas program Gotong-Royong Mega Merdeka Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pagi Sabtu yang dirasmikan oleh Datuk Bandar



MAIMUNAH

Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Sementara itu, Maimunah berkata, beliau akan mengadakan mesyuarat dalam masa terdekat dengan semua agensi yang mempunyai utiliti bawah tanah, untuk berbincang mengenai pemetaan utiliti bagi mengelakkan insiden tanah jerlus seperti yang berlaku di Masjid India pada Jumaat.

“Saya telah pun melihat bahawa kita ada GIS (Sistem Maklumat Geografi), selain itu kita perlu ada pemetaan bukan

sahaja dari segi utiliti, pemetaan dari segi kemudahan-kemudahan DBKL juga diperlukan, contohnya kawasan lapang, mana yang telah digazetkan dan mana yang ada berlaku vandalisme, mana yang perlu dinaik taraf,” katanya.

Dalam pada itu, Maimunah memaklumkan DBKL telah memetakan 35 lokasi titik panas banjir setakat ini.

“Sebelum ini sudah ada 21 *hotspot* banjir dan disebabkan perubahan cuaca, kita dalam beberapa hari yang lepas telah melakukan perbincangan dan melihat ada 14 *hotspot* lagi yang dikenal pasti,” katanya.